



## " WAKAF SIMPANAN AKHIRAT "

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ  
أُنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ  
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ  
تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dalam kesempatan hidup hari ini, marilah sama-sama kita mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya yang paling mulia diantara kamu disisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa kepada-Nya.

Khutbah pada kali ini bertajuk **"WAKAF SIMPANAN AKHIRAT"**.

Antara nikmat yang dikurniakan oleh Allah ialah nikmat Islam dan nikmat iman adalah yang paling utama. Dengan nikmat itu, nikmat-nikmat yang lain menjadi bernilai dan berharga di sisi Allah SWT. Maka sewajarnya kita menzahirkan rasa syukur kepada-Nya.

Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ<sup>ص</sup> وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

*"Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya! Jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabku amatlah pedih".*

## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersyukur atas segala nikmat yang telah kita nikmati semasa di dunia ini kerana sekiranya kita hendak menghitung nikmat Allah, nescaya kita tidak akan mampu untuk menghitungnya. Ini jelas



menunjukkan bahawa Allah SWT tidak pernah berkira-kira dengan nikmat dan kurniaan-Nya kepada kita.

Daripada Asma R.A bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

أَنْفِقِي وَلَا تُحْصِي فِيْحْصِيِ اللهُ عَلَيْكِ، وَلَا  
تُوعِي فِيُوعِيِ اللهُ عَلَيْكِ.

*"Sumbangkanlah, janganlah engkau berkira-kira sangat agar Allah tidak berkira-kira pemberian-Nya kepadamu, dan janganlah engkau melonggok-longgokkan hartamu tanpa menyumbangkannya agar Allah tidak bakhil kepadamu".*

(Muttafaqun 'Alaih)

Oleh itu, sebagai seorang Islam yang berusaha mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT pastinya sanggup mengorbankan apa jua harta yang dimiliki dan dicintai ke jalan Allah SWT. Dalam erti kata lain, amalan menginfakkan harta akan meletakkan seseorang pada darjat yang mulia kerana pengorbanan merupakan kebaktian yang besar sebagai seorang hamba kepada penciptanya.

Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا  
مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

*"Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa*



*yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya".*

Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari di dalam kitab Sahihnya, seorang sahabat nabi SAW, Abu Talhah RA, sejeurus mendengar ayat ini, beliau pun berkata kepada Rasulullah s.a.w.:

*"Sesungguhnya harta yang paling aku sayang ialah hartaku di Bairuha dan sesungguhnya hartaku di Bairuha itulah yang kuwakafkan ke jalan Allah SWT".*

Kemudian nabi s.a.w pun memuji tindakkannya dan terus baginda menggalakkan Abu Talhah supaya mewaqaafkan hartanya itu.

### **Sidang jumaat yang di rahmati Allah,**

Kita sedar bahawa sikap manusia secara umumnya tidak terlepas dari kongkongan nafsu terutamanya untuk mengejar kekayaan di dunia. Ini merupakan fitrah manusia yang sememangnya suka kepada harta dunia serta sanggup bekerja siang dan malam untuk mengumpul harta tersebut. Tetapi alangkah baiknya jika ia mewaqaafkan harta itu dengan ikhlas kerana Allah SWT semata-mata, maka itu adalah yang lebih baik baginya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 272;

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ خَيْرٍ يُوفِّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ





*"Dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang baik (halal) akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan".*

Justeru itu, Perbadanan Wakaf Selangor telah menggerakkan pelbagai usaha meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman serta kepentingan berwakaf kepada masyarakat umum. Selain memberi galakan dan membantu masyarakat untuk mewakafkan harta mereka, Perbadanan Wakaf Selangor juga berusaha membangunkan tanah-tanah wakaf serta mengurus dan menyelenggara harta wakaf tersebut dengan sebaik mungkin.

Demi menjayakan usaha-usaha ini, pelbagai kaedah yang ditawarkan bagi memudahkan orang ramai untuk melaksanakan ibadah wakaf ini tanpa mengira pangkat dan darjat. Antara kaedah yang disediakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor adalah seperti berikut;

- Pertama : Berwakaf dengan wang tunai ataupun cek ; minimum RM 10.00 dan tanpa ada had maksimum.
- Kedua : Berwakaf dengan potongan gaji; hanya serendah RM 5.00 sahaja.
- Ketiga : Berwakaf dengan cara auto debit; potongan melalui akaun bank.
- Keempat : Berwakaf dengan menggunakan emas.

Dengan usaha-usaha yang telah dilaksanakan, Perbadanan Wakaf Selangor telah berjaya mengutip wakaf tunai sebanyak 2 juta ringgit bagi tahun 2011 dan meningkat kepada 4 juta ringgit pada tahun 2012. Manakala pada tahun ini, sehingga bulan mac 2013, Perbadanan Wakaf



Selangor telah berjaya mengutip sebanyak 1 juta ringgit. Ini menunjukkan masyarakat semakin sedar akan kelebihan dan kepentingan berwakaf. Selain itu juga, terdapat pembangunan yang telah diuruskan oleh pihak Perbadanan Wakaf Selangor antaranya Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, Shah Alam dan Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum di Hulu Langat.

Sehubungan dengan itu, pewakaf juga boleh memanfaatkan resit wakaf yang dikeluarkan oleh pihak Perbadanan Wakaf Selangor dan berhak mendapatkan pelepasan cukai pendapatan bagi individu sebanyak 7 peratus dan bagi syarikat sebanyak 10 peratus.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Mimbar jumaat pada hari ini menyarankan agar ibadah wakaf ini dapat disuburkan kembali dan dibudayakan dalam masyarakat. Oleh itu, rebutlah peluang keemasan ini untuk membuktikan kecintaan kita kepada Allah SWT dengan berwakaf mengikut kemampuan masing-masing. Sesungguhnya harta yang telah diwakafkan menjadi milik Allah SWT.

Justeru, mana-mana pewaris ataupun mana-mana pihak adalah diharamkan untuk menuntut kembali harta yang telah diwakafkan tersebut. Bahkan harta wakaf tersebut tidak boleh dijual, dihadiahkan dan diwarisi oleh sesiapaun. Sekiranya waris-waris pewakaf mengambil semula harta yang diwakafkan ini bererti menyekat pahala atau ganjaran yang diterima oleh pewakaf. Orang yang menuntut semula harta yang telah diwakafkan dianggap sebagai orang yang tamak, bakhil dan menyangkakan akan mendapat keuntungan daripada harta tersebut bahkan sebaliknya adalah merugikan diri mereka sendiri kerana harta tersebut akan dikalungkan ditengukunya pada hari khirah kelak.



Firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 180;

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَبْخُلُونَ بِمَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ  
هُوَ خَيْرًا لَهُمْ <sup>صَلِّ</sup> بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ <sup>صَلِّ</sup> سَيُطَوَّقُونَ مَا نَحْلُوا بِهِ <sup>قَالَ</sup>  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ

*"Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya menyangka, bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saya berpesan dengan diri saya dan sidang jemaah yang dirahmati Allah SWT sekalian, untuk sama-sama berlumba-lumba membuat kebaikan dengan mewakafkan harta dengan kemampuan yang ada dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan amal soleh. Salah satunya dengan melaksanakan ibadah wakaf untuk menambah tabungan akhirat kita sebelum kita kembali kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, harta yang di wakafkan akan kekal disisi Allah SWT dan manakala harta yang disimpan akan habis begitu sahaja.

Kesimpulan daripada khutbah tersebut adalah;

Pertama : Harta yang telah diwakafkan adalah hak mutlak Allah SWT.



- Kedua : Setiap harta yang telah diwakafkan haram dituntut oleh sesiapaupun termasuk warisnya.
- Ketiga : Setiap orang yang berpendapatan tetap hendaklah memotong sekurang-kurangnya RM5 untuk meningkatkan tabungan Wakaf Selangor.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ  
عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ  
الْخٰسِرُونَ ﴿٩﴾ وَأَنْفِقُوا مِنْ مَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّنْ قَبْلِ أَنْ  
يَأْتِيَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخَّرْتَنِي إِلَىٰ  
أَجَلٍ قَرِيبٍ فَأَصَّدَّقَ وَأَكُن مِّنَ الصَّٰلِحِينَ ﴿١٠﴾ وَلَنْ  
يُؤَخِّرَ اللَّهُ نَفْسًا إِذَا جَاءَ أَجْلُهَا ۗ وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ



“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintah-Nya). Dan (ingatlah) sesiapa yang melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi. Dan



belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepadanya. (Kalau tidak) ia pada saat itu akan merayu dengan berkata " Wahai tuhanku! Alangkah baiknya kalau Engkau melambatkan (kedatangan ajal mautku) ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedakah dan dapat pula menjadi orang-orang yang salih. Dan (Ingatlah!) Allah tidak akan sekali-kali akan melambatkan kematian seseorang (atau sesuatu yang bernyawa) apabila sampai ajalnya, Dan Allah amat mendalam pengetahuan-Nya mengenai segala yang kamu kerjakan".

(Al-Munafiqun : 9-11)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا  
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،  
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ  
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ  
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ  
سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس  
شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ



عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعَوْنَ  
وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ،  
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانِ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي  
أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمَرَهُمَا  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang



Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ





فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.